

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan



Demonstrasi Daya Ketahanan: Perjalanan Pemulihan dan Pertumbuhan Kami

Salam sihat dan sejahtera para pihak berkepentingan.

Tahun kewangan 2024 (TK2024) menandakan satu bab penting bagi Kumpulan. Kami berjaya mengharungi landskap perniagaan yang terjejas teruk, dipenuhi dengan ketidakseimbangan permintaan dan bekalan yang berterusan serta persaingan yang sengit; terus melangkah ke depan untuk mencapai kemajuan yang ketara dalam perjalanan pemulihan kami.

Dengan fokus sepenuhnya untuk mengukuhkan perniagaan teras sarung tangan kami, kami meningkatkan pelaksanaan peningkatan kualiti dan kos yang strategik, menjadikan operasi lebih cekap dan berkesan. Di samping itu, permintaan sarung tangan global telah kembali, berikutan pengurangan stok simpanan para pelanggan dan pemulihan aktiviti pengisian semula stok. Semua ini secara kolektif membuka laluan bagi Kumpulan untuk menyampaikan prestasi yang jauh lebih baik bagi tahun kewangan yang berakhir 2024, membawa kami lebih dekat kepada titik pulang modal dan keuntungan yang bakal tiba.

Kami mempunyai pelbagai sebab bagi keyakinan kami. *Pertumbuhan volum jualan yang kukuh. Peningkatan dalam skala ekonomi. Pengurangan kerugian operasi. EBITDA positif sepanjang tahun.*

Dan ini hanyalah permulaan. Dengan asas kami yang diperkukuhkan dan daya saing yang dipulihkan, kami berada dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan gelombang pemulihan dan berkembang ketika industri sarung tangan memasuki fasa pemulihan.

Masa yang paling sukar telah berlalu, sementara masa depan yang menjanjikan menanti. Kami telah berjaya bertahan, dan kini, tiba masanya untuk berkembang pesat.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

PERBINCANGAN DAN ANALISIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN

Pertumbuhan Jualan Kukuh Menjadi Asas untuk Pemulihan

Untuk TK2024, Kumpulan mencatatkan Pendapatan Jualan sebanyak RM2.51 bilion, peningkatan sebanyak 11% daripada TK2023. Kerugian Selepas Cukai yang mengambil kira keuntungan daripada pelupusan tanah, berkurang dengan ketara kepada RM21 juta, menunjukkan peningkatan yang mengagumkan sebanyak 98% berbanding TK2023. Sementara itu, EBITDA Kumpulan untuk setahun penuh tukar menjadi positif pada RM253 juta; ini mewakili peningkatan sebanyak 262% berbanding TK2023. Volum Jualan juga meningkat sebanyak 19% daripada TK2023.

Prestasi Kumpulan yang semakin baik ini didorong oleh peningkatan Volum Jualan di mana pelanggan terus mengisi semula inventori sarung tangan, yang membawa kepada kadar penggunaan yang lebih tinggi dan peningkatan kecekapan operasi. Sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan, Kumpulan mencatatkan peningkatan yang stabil dalam Volum Jualan, yang telah mencapai paras terendah pada 4STK2023 sebelum ini dan mula meningkat pada 1STK2024 lalu mencapai kemuncaknya pada 4STK2024, mencatatkan lonjakan sebanyak 91% tahun-ke-tahun iaitu pertumbuhan terkuat sejak pandemik. Kumpulan menyaksikan pertumbuhan yang sangat ketara di Amerika Syarikat (A.S.) di mana Volum Jualan meningkat 120% dari suku-ke-suku dan 29% tahun-ke-tahun, didorong oleh kemasukan sejumlah besar pengeluaran sarung tangan asing dalam senarai amaran import FDA A.S.

Dengan pertumbuhan Volum Jualan yang semakin meningkat pada separuh kedua TK2024, Kumpulan menyaksikan peningkatan yang sepadan dalam kadar penggunaan kapasiti operasi, yang meningkat kepada 60% berbanding dengan kurang

daripada 35% pada separuh pertama TK2024. Ini menghasilkan kecekapan pengeluaran yang lebih baik, membolehkan Kumpulan mengurangkan kos setiap karton untuk gas asli sebanyak 15%, buruh sebanyak 41% dan elektrik sebanyak 18%.


Permintaan sarung tangan terus meningkat pada separuh kedua TK2024 berikutan pengurangan inventori sarung tangan ditambah dengan tarif tinggi yang dikenakan ke atas sarung tangan perubatan pembuatan China. Walau bagaimanapun, pengeluaran sarung tangan Malaysia tidak dapat memanfaatkan permintaan sarung tangan yang meningkat dengan sepenuhnya walaupun mempunyai kapasiti berlebihan disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja, akibat pembekuan pengambilan pekerja asing oleh kerajaan. Ini menyebabkan permintaan sarung tangan melebihi bekalan, yang membantu memudahkan pemindahan kos daripada turun naik harga bahan mentah, serta semakan naik harga secara beransur-ansur, yang meningkatkan margin keuntungan.

Kumpulan telah menjangkakan untuk mencapai titik pulang modal pada 4STK2024, yang terjejas oleh penyusutan drastik dan mendadak nilai Dolar A.S. berbanding Ringgit Malaysia pada bulan Ogos 2024. Dolar A.S. menurun secara purata sebanyak 2.6% berbanding Ringgit Malaysia pada 4STK2024, dan secara purata sebanyak 5.4% pada Ogos 2024 kepada RM4.3155 menjelang akhir bulan. Ini menyebabkan kerugian pertukaran asing yang direalisasikan dan tidak direalisasikan pada 4STK2024, yang mengimbangi keuntungan daripada peningkatan Volum Jualan dan kos pengeluaran yang lebih rendah. Sebagai tindak balas, Kumpulan telah meningkatkan harga jualannya, dengan kesannya dijangka akan direalisasikan dari November 2024 dan seterusnya, disebabkan oleh "time lag".


Peningkatan Pencapaian Prestasi TK2024 dan Volum Jualan TK2024 Mengikut Rantau bagi Kumpulan diringkaskan dalam rajah-rajah berikut.

PENINGKATAN PENCAPAIAN PRESTASI TK2024


PENDAPATAN JUALAN RM'juta




EBITDA RM'juta



KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI RM'juta




KEDUDUKAN TUNAI BERSIH RM'juta



Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

VOLUM JUALAN TK2024 MENGIKUT RANTAU



PEMBANGUNAN KORPORAT

Lembaga Pengarah yang Berdaya Ketahanan untuk Masa Depan yang Lebih Baik

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Kumpulan untuk memastikan Lembaga Pengarah yang cekap dan berprestasi tinggi, bersedia untuk menghadapi cabaran persekitaran perniagaan yang dinamik, Kumpulan telah melantik Cik Gan Mei Mei pada bulan Mac 2024 dan Encik Lee Ah Too pada bulan Jun 2024 sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang baru.

Kumpulan juga menyaksikan persaraan Cik Sharmila Sekarajasekaran selaras dengan Dasar Pegangan Pengarah Bebas Kumpulan, yang menghadkan perkhidmatan lembaga kepada tempoh maksimum 9 tahun, mencerminkan amalan terbaik antarabangsa. Selain itu, Pengarah Bebas Dr. Chong Su-Lin, Dato' Lee Kim Meow, Puan Rowina Ghazali Seth dan Encik Martin Manen telah meletak jawatan untuk memberi tumpuan kepada komitmen peribadi masing-masing. Top Glove amat menghargai perkhidmatan yang tidak ternilai dan sumbangan positif mereka yang telah membantu memacu kemajuan dan pertumbuhan yang bermakna bagi syarikat.

Dengan perkembangan ini, perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah Top Glove mencapai sebanyak 33% terus melebihi penanda aras amalan terbaik sebanyak 30%, menekankan komitmen kami dalam memupuk kepelbagaian jantina serta objektif yang lebih luas untuk membina pasukan kepimpinan yang inklusif dan pelbagai. Komposisi seimbang Lembaga Pengarah, yang terdiri daripada lima Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan empat Pengarah Eksekutif, telah direka untuk meningkatkan keberkesanan proses membuat keputusan dan pengawasan strategik, dan adalah selaras dengan struktur lembaga syarikat-syarikat setara yang lain.

Sebagai bukti komitmen yang tidak goyah terhadap tadbir urus korporat dan kelestarian, Top Glove juga meraih *Overall Excellence Award* di **National Corporate Governance & Sustainability Awards (NACGSA) 2024** pada bulan September 2024. Syarikat menduduki tempat ke-7 daripada 20 pemenang anugerah berprestij ini, menonjol di kalangan 854 syarikat tersenarai di Malaysia yang dinilai oleh Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti (MSWG).

Meningkatkan Nilai Pemegang Saham

Kumpulan mencadangkan isu bonus sehingga 405,846,911 waran berdasarkan 1 waran untuk setiap 20 saham Top Glove sedia ada, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) yang akan datang pada 15 Januari 2025. Waran tersebut boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dalam tempoh 5 tahun dari tarikh penerbitan dan harga pelaksanaan akan diumumkan pada tarikh yang akan datang. Cadangan terbitan bonus waran ini membolehkan pemegang saham Top Glove meningkatkan penyertaan ekuiti mereka dalam Kumpulan, dengan melaksanakan waran pada harga yang telah ditetapkan sepanjang tempoh waran, sebagai ganjaran kepada pemegang saham setia atas sokongan mereka yang berterusan. Langkah ini juga mengukuhkan asas modal Kumpulan, membolehkannya mengumpul dana tanpa menanggung kos faedah tambahan, berbanding dengan pinjaman bank.

Menyampaikan Kecemerlangan di Tengah Kesukaran

Kami amat bangga diiktiraf secara konsisten kerana menyampaikan nilai kepada pemegang kepentingan kami, menonjolkan komitmen kami yang tidak goyah terhadap kecemerlangan di tengah cabaran dan ketidakpastian.



Memenangi *Overall Excellence Award* di **National Corporate Governance & Sustainability Awards (NACGSA) 2024**, menduduki tempat ke-7 di kalangan 854 syarikat yang disenaraikan di Malaysia yang dinilai.



Mencapai peningkatan ketara dalam skor **FTSE Russell Environmental, Social and Governance (ESG) Ratings** untuk 2023 berbanding skor kami pada tahun sebelumnya.

Keputusan untuk penilaian 2024 dijangka diumumkan pada bulan Disember 2024.



Mengekalkan penyertaan kami dalam **Dow Jones Sustainability Index** di bawah kategori *Emerging Markets* untuk tahun ke-5 berturut-turut, menduduki tempat di antara 3% syarikat teratas dalam indeks berprestij ini dan 3% teratas di kalangan rakan industri dalam industri *Health Care Equipment & Supplies*.

Keputusan untuk penilaian 2024 dijangka diumumkan pada bulan Disember 2024.



Dimasukkan dalam **S&P Global Sustainability Yearbook 2024** untuk tahun ke-3 berturut-turut, satu pengiktirafan yang diberikan secara eksklusif kepada syarikat-syarikat dalam 15% teratas industri masing-masing, berdasarkan jumlah pencapaian dan Skor Penilaian Kelestarian Korporat (CSA) minimum melebihi 30. Top Glove menerima salah satu skor tertinggi di antara 13 syarikat dalam kategori industri *Health Care Equipment Supplies* secara global dalam CSA, pada tarikh skor 7 Februari 2024.



Dianugerahkan **EcoVadis Sustainability Bronze Medal** untuk tahun ke-2 berturut-turut, dengan peningkatan 12% dalam penilaian berbanding 2023, meletakkan Top Glove di antara 19% teratas daripada semua syarikat dan industri yang dinilai pada masa penerbitan pada September 2024. Prestasi pengurusan karbon Top Glove juga meningkat, beralih ke tahap yang lebih maju ("advanced level") pada tahun 2024 daripada tahap pertengahan ("intermediate level") pada tahun 2023. Pengiktirafan ini mencerminkan keberkesanan sistem pengurusan Kumpulan dalam memenuhi kriteria kelestarian utama.



Mencapai 'A' dalam **MSCI ESG Ratings**, menandakan pencapaian tertinggi setakat ini. Sejak pertama kali menyertai penarafan pada 2019, apabila Kumpulan memperoleh penarafan 'BB', ia telah menunjukkan peningkatan secara konsisten dari tahun ke tahun dalam MSCI ESG Ratings, yang mengukur pengurusan syarikat terhadap risiko dan peluang ESG yang relevan dari segi kewangan.



Mendapatkan skor yang sangat baik dalam Penilaian Risiko ESG oleh **Sustainalytics**, menduduki tempat pertama daripada 643 syarikat dalam industri *Healthcare*, tempat pertama daripada 58 syarikat dalam sub industri *Medical* dan tempat ke-91 daripada 16,215 syarikat di semua industri, di peringkat global pada 19 Jun 2024.



Mendapatkan tempat dalam Indeks **2023 Bloomberg Gender Equality Index (GEI)** untuk tahun ke-2 berturut-turut, dengan skor di atas purata berbanding rakan sejawat kami di peringkat global dalam kategori *Industrial*, untuk memajukan kesetaraan jantina di tempat kerja.

Keputusan untuk penilaian 2024 dijangka diumumkan pada bulan Februari 2025

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan



Top Glove adalah syarikat Malaysia pertama yang menyertai **Workforce Disclosure Initiative (WDI)**, yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti data tenaga kerja korporat dalam domain awam dan menyokong, mendorong serta meningkatkan penglibatan pelabur/syarikat mengenai isu tenaga kerja dan hak asasi manusia. Top Glove telah disenarai pendek sebagai salah satu calon dalam kategori *Best first-time responder* di antara 14 syarikat yang memberi maklum balas pertama, dengan pemenang akan diumumkan pada bulan Januari 2025.



Pada bulan Julai 2024, Top Glove berjaya membuat penghantaran pertama sarung tangan getah asli yang boleh dikesan sepenuhnya ke asal-usul perladangannya, menunjukkan komitmen Kumpulan untuk mematuhi sepenuhnya **Peraturan Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR)**, yang dicapai sebelum tarikh akhir asal pada 30 Disember 2024.



Dari 18 Jun 2024, termasuk dalam senarai sulung berprestij **Southeast Asia 500** majalah Fortune, yang menyenaraikan syarikat terbesar di rantau ini berdasarkan pendapatan TK2023 mereka.



Dianugerahkan *Platinum Trusted Brand Award* dalam kategori *Hygiene/Disposable Gloves* di anugerah **Reader's Digest Malaysian Trusted Brand 2024** yang berasaskan undian konsumen Reader's Digest, untuk tahun ke-2 berturut-turut. Top Glove mengungguli pesaingnya dengan ketara sebanyak 25% dari segi jumlah undi, mencapai skor purata tertinggi dalam 6 atribut utama: kebolehpercayaan dan kredibiliti, kualiti, nilai, pemahaman terhadap keperluan pelanggan, inovasi dan tanggungjawab sosial.



Menerima anugerah *Silver* dalam kategori *Consumer Products* di **Star Export Excellence Award 2023** yang berprestij yang diadakan pada bulan Januari 2024.



▲ Ikrar "United Nations Guiding Principles on Business and Human Rights" bersama Lembaga Pengarah diadakan selepas penamatan Mesyuarat Agung Tahunan ke-25 pada 10 Januari 2024

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

MEMBENAMKAN KELESTARIAN DI TERAS KAMI

Kumpulan terus memimpin ke arah masa depan yang lebih baik untuk pekerja kami, syarikat kami, serta komuniti di mana kami berkhidmat, sambil melaksanakan objektif perniagaan kami. Selaras dengan usaha Kumpulan untuk pertumbuhan jangka panjang dan kejayaan yang bermakna, kami sentiasa mengintegrasikan amalan kelestarian ke dalam setiap aspek operasi kami.

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Bertujuan

Kumpulan terus melabur dalam R&D untuk memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berkembang, sementara meningkatkan kualiti dan kecekapan kos, sambil mengurangkan impak terhadap alam sekitar. Inisiatif utama Kumpulan untuk TK2024 termasuk:

Inovasi Eko

Meningkatkan koleksi produk boleh diperbaharui kami, Kumpulan telah membangunkan Sarung Tangan Thermoplastic Elastomer (TPE) **Top Grip** serta Sarung Tangan Chlorinated Polyethylene (CPE) yang dua-duanya berasaskan tumbuhan.

Sebagai pilihan yang lebih lestari, Sarung Tangan TPE **Top Grip** mengurangkan kebergantungan kepada bahan bakar fosil dan mengurangkan emisi gas rumah hijau; tetapi berfungsi sebaik sarung tangan TPE konvensional dari segi ketahanan, keselesaan dan fungsi, dengan cengkaman yang lebih baik.

Sarung Tangan Chlorinated Polyethylene (CPE) yang berasaskan tumbuhan terdiri daripada sekurang-kurangnya 10% bahan mentah berasaskan tumbuhan yang disahkan oleh Persatuan Kitar Semula Organik Jepun (JORA), yang secara ketaranya mengurangkan jejak karbon.

Memulakan Penilaian Kitaran Hayat Produk

Mencerminkan komitmen yang kuat untuk mengurangkan jejak alam sekitar kami, Top Glove telah menjalankan Penilaian Kitaran Hayat (LCA) dari *cradle-to-grave* ke atas Sarung Tangan Nitril Bebas Serbuk Berbiodegradasi **Biogreen®**, menilai impak alam sekitar dari pengambilan bahan mentah hingga pelupusan.

Keputusan LCA yang disahkan oleh pihak ketiga bebas SATRA Technology menunjukkan bahawa Sarung Tangan Nitril Bebas Serbuk Berbiodegradasi kami mempamerkan kelestarian yang luar biasa, dengan emisi CO₂ sebanyak 0.02542 kgCO₂e setiap sarung tangan, sementara Sarung Tangan Nitril Bebas Serbuk konvensional kami mengeluarkan 0.02772 kgCO₂e setiap sarung tangan.



▲ Acara "Top Glove Run 2023" yang diadakan pada 2 Disember 2023

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Inovasi Produk untuk Impak Positif

Sebagai bukti komitmen kami untuk memenuhi keperluan pelanggan yang sentiasa berubah sambil terus berada di hadapan dalam pasaran yang sentiasa berubah, kami telah memperkenalkan produk sarung tangan baru, menandakan langkah ke hadapan penting dalam perjalanan inovasi kami. Dengan ciri-ciri terkini dan fungsi yang ditingkatkan, produk ini telah memperkayakan portfolio produk kami serta meningkatkan kepuasan pelanggan.



Penyelesaian yang lebih selamat dan mesra alam dengan 71.9% kurang sulfur berbanding sarung tangan nitril konvensional.

Sarung Tangan Nitril Bersalut Polimer Sulfur Rendah Tanpa Halogen (HFLS) dirumus khas untuk mencegah kakisan dan pencemaran yang disebabkan oleh klorin reaktif dan sulfur, memberikan perlindungan yang lebih baik untuk komponen sensitif seperti terminal bateri, pendawaian dan penyambung.



Meningkatkan hidrasi kulit sebanyak 24%



Menguatkan penghalang kelembapan sebanyak 30%



Mengurangkan kerengsaan kulit sebanyak 11%

Sarung Tangan Bedah Lateks Steril Hydraplus yang Melembapkan disaluti dengan bahan mesra kulit seperti gliserin dan Vitamin E, yang memberikan kelegaan yang berkesan untuk kulit kering sambil menawarkan hidrasi yang tahan lama.

Mencapai Pematuhan EUDR Awal Sebelum Jadual

Pada bulan Julai 2024, Kumpulan berjaya membuat penghantaran pertama sarung tangan getah asli ke Eropah, yang boleh dijejek sepenuhnya kepada asal-usul perladangannya, menunjukkan komitmen Top Glove untuk mematuhi sepenuhnya Peraturan Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR), yang dicapai sebelum tarikh akhir asal 30 Disember 2024. Sementara itu, pematuhan EUDR rantai bekannya telah disahkan melalui ketekunan wajar oleh Jawatankuasa EUDR dalaman Top Glove.

Program Fokus dan Progresif untuk Kakitangan

Inisiatif yang pilih susun kami berfokus kepada kakitangan bertujuan untuk memupuk pertumbuhan profesional dan kesejahteraan holistik mereka melalui:



Latihan terarah untuk memupuk pembelajaran dan pembangunan berterusan



Ceramah kesihatan dan kempen kesedaran, dengan fokus pada kesihatan mental, untuk mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat dan seimbang



Aktiviti penglibatan kakitangan yang termasuk acara "Top Glove Run" tahunan dan kejohanan sukan, memupuk semangat berpasukan dan kerjasama



Saluran bakat yang kukuh melalui Memorandum Persefahaman (MOU) dengan institusi pengajian tinggi tempatan, untuk menyokong tenaga kerja kami sambil membangunkan generasi pemimpin seterusnya

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Komited Memperjuangkan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia

Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (BHR) kekal sebagai asas operasi kami. Kami terus menyelaraskan sistem dan proses bagi memenuhi keperluan kawal selia yang sentiasa berubah di peringkat global. Untuk tujuan ini, mesyuarat tetap antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan memastikan bahawa prinsip BHR bukan sahaja sejajar dengan piawaian global tetapi juga diintegrasikan ke dalam proses membuat keputusan strategik kami. Melalui penglibatan yang berterusan ini, kami menegaskan semula komitmen kami terhadap amalan perniagaan beretika, serta memupuk persekitaran kerja yang mengutamakan keadilan, penghormatan dan kebertanggungjawaban.

Memajukan Penjagaan Kesihatan untuk Kakitangan dan Komuniti Kami

Top Glove Global Doctors (TGGD), usaha sama antara Top Glove dan Global Doctors, merupakan Pusat Penjagaan Ambulatori yang lengkap, terletak di Menara Top Glove, yang menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuk perubatan keluarga, pakar, pergigian dan kecemasan, untuk memastikan akses mudah kepada penjagaan kesihatan berkualiti bagi para kakitangan dan keluarga mereka. Selain daripada perkhidmatan utama tersebut, TGGD turut menawarkan fisioterapi, kaunseling kesihatan mental dan perkhidmatan concierge perubatan, menyumbang kepada kesejahteraan seluruh tenaga kerja Top Glove dan komuniti sekitarnya. Perkhidmatan ini bertujuan untuk menyokong kesihatan fizikal dan mental, memupuk gaya hidup seimbang dan sihat. Dengan pelancaran unit hemodialisis dan perkhidmatan Perubatan Tradisional Cina yang akan datang, TGGD akan menyediakan lebih banyak penyelesaian penjagaan kesihatan untuk memenuhi pelbagai keperluan kakitangan Top Glove dan komuniti Setia Alam yang lebih luas.



Dari pengurangan impak alam sekitar ke peningkatan kecakapan sumber dan memajukan inisiatif yang mengutamakan kakitangan, kami bertujuan untuk mencipta nilai yang berkekalan bagi semua pihak berkepentingan. Fokus kami kekal pada keseimbangan antara kemajuan ekonomi kami dengan pemeliharaan alam sekitar dan tanggungjawab sosial.

Untuk pandangan yang lebih komprehensif mengenai usaha kelestarian kami, sila rujuk kepada bahagian **Creating Sustainable Value** di halaman 41 hingga 47 dalam Laporan Tahunan Bersepadu ini atau Laporan Kelestarian 2024.

DARI PEMBALIKAN KEPADA PEMULIHAN: SARUNG TANGAN DI JALUR KEBANGKITAN

Setelah mengakhiri TK2024 dengan nota positif dalam persekitaran yang mencabar, kami digalakkan oleh kemajuan yang dicapai oleh Kumpulan dan yang lebih penting, berkeyakinan tentang tahun kewangan yang akan datang.

Industri sarung tangan telah memasuki fasa pemulihan, yang semakin pesat memperoleh momentum. Dengan pengurangan stok sarung tangan yang berlebihan, kitaran pengisian semula inventori telah pun bermula, mendorong pertumbuhan permintaan yang kukuh. Memandangkan dinamik permintaan-bekalan yang semakin menggalakkan, Kumpulan menjangkakan peningkatan berterusan dalam Volum Jualan dan kadar penggunaan, menetapkan suasana untuk kembali kepada keuntungan dalam Tahun Kewangan 2025.

Selain itu, Kumpulan menjangkakan peluang perniagaan yang lebih baik di pasaran Amerika Syarikat (A.S.) berikutan pengumuman oleh Perwakilan Perdagangan A.S. (USTR) pada September 2024 mengenai peningkatan tarif yang akan datang ke atas sarung tangan perubatan dan pembedahan dari China, daripada kadar semasa sebanyak 7.5% kepada 50% berkuat kuasa Januari 2025, dan meningkat kepada 100% menjelang Januari 2026. Sebelum tarikh tersebut, pelanggan di A.S., di mana jualan kami telah meningkat dengan ketara, dijangka akan mula mencari pembekal alternatif. Dengan ini, Top Glove sebagai pengeksport utama sarung tangan ke A.S., berada dalam kedudukan yang baik untuk meraih lebih banyak peluang pasaran daripada pengalihan perdagangan ini.



Untuk memastikan Kumpulan bersedia memenuhi permintaan sarung tangan yang pesat meningkat, pemasangan barisan pengeluaran yang canggih, yang sebelum ini dihentikan sementara akibat lebihan bekalan, akan diteruskan semula di kilang-kilang Top Glove yang lebih baru. Kumpulan juga akan meningkatkan aktiviti pengambilan pekerja untuk memastikan tenaga kerja yang mencukupi bagi menyokong operasi.

Perutusan Kepada Pihak Berkepentingan dan Perbincangan & Analisis Pihak Pengurusan

Walau bagaimanapun, Kumpulan mengekalkan pendekatan optimis yang berhati-hati terhadap pelan pengembangannya, mengambil kira persekitaran perniagaan yang tidak stabil yang boleh dipengaruhi faktor geopolitik. Sementara itu, walaupun impak daripada wabak Mpox masih minima sekarang, Kumpulan terus memantau perkembangan dan bersedia untuk bertindak sekiranya terdapat lonjakan permintaan sarung tangan.

Di sebalik latar belakang yang tidak menentu dan sentiasa berubah, asas industri sarung tangan tetap kukuh dan tidak berubah. Sarung tangan terus menjadi barangan penting, dengan penggunaan tunggal dalam industri penjagaan kesihatan, tanpa sebarang pengganti yang setanding sehingga kini. Tambahan pula, dengan peningkatan tahap kesedaran terhadap kesihatan dan kebersihan selepas pandemik, Kumpulan yakin bahawa prospek jangka panjang industri ini sangat menjanjikan, dengan permintaan sarung tangan global yang dijangka mengukuh dan meningkat memecut pada tahun-tahun akan datang.

PENGHARGAAN KEPADA RAKAN KONGSI SEPERJUANGAN

Dengan penuh rasa bersyukur, kami mengiktiraf sumbangan unik dan tidak ternilai daripada mereka yang telah menyokong kami melalui masa yang mencabar, di mana setiap individu memainkan peranan penting dalam melakar laluan kami ke hadapan. Kami rasa bertuah dapat bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam perjalanan pemulihan dan pertumbuhan kami, dan ingin mengucapkan penghargaan tulus kami kepada:



Pasukan Top Glove dahulu mahupun sekarang, dengan komitmen anda yang tidak berbelah bahagi dan ketahanan luar biasa yang telah menjadi asas pemulihan kami. Terima kasih atas sumbangan kolektif anda, yang bukan sahaja membantu kami menghadapi musim yang sukar, tetapi juga membolehkan kami membina Top Glove yang lebih baik dan lebih kuat, serta berada dalam kedudukan yang baik untuk berkembang di masa hadapan.



Ahli Lembaga Pengarah kami yang Dihormati dengan kepimpinan yang teguh dan panduan yang bijaksana, yang telah memainkan peranan penting dalam membimbing syarikat melalui pelbagai cabaran sukar, sambil memposisikan kami untuk kejayaan masa depan. Komitmen anda terhadap tadbir urus, akauntabiliti, dan kelestarian perniagaan telah memastikan kami kekal tangkas dan fokus pada aspirasi jangka panjang kami. Kami mengalu-alukan Pengarah-Pengarah Bebas baru kami, Cik Gan Mei Mei dan Encik Lee Ah Too, dan rasa bertuah untuk memanfaatkan kebijaksanaan serta kepakaran mereka dalam meneruskan usaha kami mencapai kejayaan berterusan bagi Kumpulan.



Pelanggan setia kami, vendor, pemegang saham dan pihak berkepentingan lain atas kepercayaan, kesetiaan dan kerjasama anda yang berterusan, yang telah membolehkan kami terus menyampaikan nilai merentas spektrum pihak berkepentingan. Kepada pelanggan kami, keyakinan anda terhadap produk dan perkhidmatan kami memberi inspirasi kepada kami untuk terus melakukan penambahbaikan. Kepada vendor kami, kualiti, kecekapan dan kebolehpercayaan anda memastikan kami memenuhi piawaian tertinggi yang kami tetapkan. Kepada pemegang saham kami, kepercayaan anda terhadap visi kami mendorong kami untuk bangkit dan berusaha mencapai kecemerlangan.

Kami amat menghargai sokongan berterusan anda dan bersemangat untuk melangkah bersama anda, dalam perjalanan ini yang saling menguntungkan, menuju kebangkitan gemilang serta pencapaian yang lebih tinggi pada masa hadapan.

TAN SRI DR LIM WEE CHAI
Pengerusi Eksekutif
Top Glove Corporation Bhd
26 November 2024

LIM CHEONG GUAN
Pengarah Urusan
Top Glove Corporation Bhd
26 November 2024